

Remaja dihantar ke Sekolah Henry Gurney kerana rosakkan harta bapa

KUCHING: Seorang remaja lelaki berusia 15 tahun diperintahkan oleh Mahkamah Majistret semalam untuk dihantar ke Sekolah Henry Gurney selepas mengaku bersalah melakukan khianat dengan merosakkan harta benda milik bapanya.

Majistret Mason Jaro Lenya Barayan membuat keputusan itu ke atas pesalah kanak-kanak terbabit setelah meneliti laporan akhlak yang dikemukakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) semalam.

Mason ketika menjatuhkan

hukum memerintahkan tertuduh yang tidak diwakili peguam itu untuk ditempatkan di sekolah tersebut selama tiga tahun.

Berdasarkan kertas pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan khianat dengan memecahkan pintu hadapan rumah dan cermin belakang kereta milik bapanya yang berusia 52 tahun (pengadu) dalam satu kejadian sekitar jam 10.30 malam pada 25 Oktober 2023 di kediaman mereka sekeluarga di Lower Sungai Maong di sini.

Pertuduhan dibuat

mengikut Seksyen 426 Kanun Keseksan yang membawa hukuman penjara sehingga lima tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Mengikut keterangan kes, tertuduh mengamuk di rumah pada hari kejadian dan bertindak memecahkan cermin pintu hadapan rumah dengan memukulnya menggunakan sebatang besi.

Selain itu, tertuduh juga memecah cermin belakang kereta kompak milik pengadu dengan menggunakan sebilah pisau pemotong

daging.

Pengadu yang tidak dapat mengawal anaknya berasa takut serta terancam dengan perbuatan tertuduh.

Susulan itu, pengadu membuat laporan polis sehingga membawa kepada penangkapan tertuduh dua hari kemudian.

Difahamkan, semasa siasatan dibuat, ujian air kencing dilakukan dan tertuduh didapati positif dadah.

Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa Inspektor Merylene Lindan Andrew Mang.